

Kurangkan kos pengajian

# Universiti asing

BM - 6 OCT 1991

# buka kampus

Oleh WAN HAMIDIHAMID

KUALA LUMPUR: Empat universiti asing, termasuk dari United Kingdom dan Jepun, mengemukakan cadangan kepada kerajaan Malaysia untuk menubuhkan kampus cawangan masing-masing di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata pihaknya sudah menerima beberapa cadangan daripada universiti luar negara untuk menubuhkan kampus cawangan di Malaysia.

Beliau berkata, kerajaan membenarkan cadangan itu kerana ia dapat mengurangkan kos pengajian serta menampung keperluan pelajar tempatan yang semakin meningkat.

"Kita sedar bahawa sekarang ramai penuntut kita pergi ke universiti luar negara dengan perbelanjaan yang besar setiap tahun dan ia meningkat dengan banyaknya.

"Kita tidak dapat menubuhkan universiti sendiri kerana soal pensyarah dan profesor yang sukar didapati. Jadi, kalau kita tidak dapat mengadakan universiti sendiri, lebih baik kalau kita dapat membawa universiti luar ke negara ini.

"Mereka akan mengadakan kursus tetapi mestilah mematuhi beberapa syarat dan mengikut Dasar Pendidikan Ma-

laysia," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvokesyen Kolej Tunku Abdul Rahman (KTAR) di sini, semalam.

Mengenai bila program itu akan dilaksanakan, Perdana Menteri berkata, ia akan dirundingkan seberapa segera yang mungkin berikutan keperluan segera untuk menghasilkan graduan bidang teknikal dan kejuruteraan.

Ditanya bagaimana universiti luar negara akan mematuhi Dasar Pendidikan Negara, beliau menjelaskan, lesen tidak akan diberi jika mereka gagal mematuhinya.

Mengenai syarat yang akan dikenakan terhadap universiti asing yang mahu membuka kampus cawangan masing-masing di negara ini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan akan mengka-jinya dengan mengambil kira keperluan negara dan kemampuan mereka.

"Kita memerlukan penuntut yang mempunyai kebolehan tertentu. Mungkin mereka (universiti asing) boleh mengadakan beberapa kursus saja dalam Bahasa Melayu manakala kursus lain dalam bahasa lain. Ini harus kita timbang," katanya.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata, selepas 34 tahun merdeka, rakyat Malaysia lebih fasih bertutur Bahasa Melayu manakala kebudayaan dan kese-

nian Malaysia sudah terbentuk dengan berteraskan kebudayaan Melayu serta unsur kebudayaan dan kesenian pelbagai kaum.

Katanya, bahasa ibunda semua kaum juga masih terselamat, tidak sebagaimana yang berlaku di negara lain, termasuk negara maju yang begitu angkuh dengan liberalisme tetapi berusaha menghapuskan bahasa dan kebudayaan kaum yang terasing daripada kaum asli.

"Dalam halini, apakah kaum bukan Bumiputera perlu curiga dengan masa depan dan bahagian mereka dalam kemajuan negara?" katanya.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, jika Rancangan Malaysia Keenam (RM6), Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dijayakan oleh semua kaum, negara akan berjaya mengorak langkah pertama ke arah Wawasan 2020.

"Dengan pertumbuhan kek ekonomi pada 2020 menjadi lapan kali ganda lebih besar dari sekarang, semua kaum akan mendapat nikmat yang bertambah. Pada 2020, isu keturunan sepatutnya menjadi tidak penting kerana masing-masing berupaya bersaing tanpa bantuan," katanya.

Sehujung itu, katanya, semua pihak perlu membendung sentimen yang tidak sealira dengan matlamat negara membentuk Malaysia maju pada tahun 2026.